



Siaran
AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 2/01

PERUTUSAN KHAS MENTERI PERTAHANAN TAHUN 2019

Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah menyempurnakan Perutusan Khas Menteri Pertahanan Tahun 2019 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, hari ini.

Perutusan Khas ini merupakan julung kali diadakan pada tahun 2019 kepada warga kementerian. Seramai 1500 orang warga terlibat dalam perhimpunan ini melibatkan 750 orang tentera manakala selebihnya adalah kakitangan awam Kementerian.

Dalam perutusan, beliau menekankan lima teras utama iaitu Hubungan Luar dan ASEAN, Dunia Islam dan Ancaman Asimetrik, Kesiagaan Angkatan Tentera, Awam dan Veteran dan Kertas Putih Pertahanan.

Majlis ini juga turut diselitkan dengan penyampaian Anugerah Pekerja Contoh (Awam) dan Anugerah Pusat Tanggung Jawab (PTJ) Terbaik dalam sistem penilaian prestasi pengurusan kewangan Tahun 2018 Kementerian Pertahanan. Senarai penerima dan pemenang seperti di **Lampiran**.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Halimi bin Abd Manaf, Panglima Angkatan Tentera, YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin, Panglima-Panglima Perkhidmatan serta warga Kementerian Pertahanan dan ATM.

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
10 Januari 2019

**PENERIMA ANUGERAH PEKERJA CONTOH (AWAM) KEMENTERIAN
PERTAHANAN TAHUN 2018**

BIL	PENERIMA	
1.	Kategori Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 hingga 48)	
		<p>Nama/No.K/P : Wilson @ Vincent Peter Pramo (No.KP : 760702-12-5265) Jawatan/Gred : Pegawai Psikologi Gred S44 Jabatan/Bahagian : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Tarikh Mula Berkhidmat di Kementerian : 07.11.2011 Tarikh Mula Berkhidmat di Jabatan/Bahagian : 25.09.2017</p>
2.	Kategori Kumpulan Pelaksana (Gred 29 hingga 40)	
		<p>Nama/No.K/P : Goh Chee Pin (No.KP : 590206-10-6429) Jawatan/Gred : Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 Jabatan/Bahagian : Bahagian Kewangan Tarikh Mula Berkhidmat di Kementerian : 16.02.1981 Tarikh Mula Berkhidmat di Jabatan/Bahagian : 07.05.2012</p>
3.	Kategori Kumpulan Pelaksana (Gred 19 hingga 28)	
		<p>Nama/No.K/P : Wan Norisham Bin Pa'wan Chik (No.KP : 700406-08-6375) Jawatan/Gred : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 Jabatan/Bahagian : Bahagian Khidmat Pengurusan Tarikh Mula Berkhidmat di Kementerian : 01.07.1994 Tarikh Mula Berkhidmat di Jabatan/Bahagian : 23.02.2009</p>
4.	Kategori Kumpulan Pelaksana (Gred 1 hingga 18)	
		<p>Nama/No.K/P : Roslan Bin Mat (No.KP : 690929-13-5379) Jawatan/Gred : Pemandu Kenderaan Gred H11 Jabatan/Bahagian : MinDef Cawangan Sarawak Tarikh Mula Berkhidmat di Kementerian : 15.06.2006 Tarikh Mula Berkhidmat di Jabatan/Bahagian : 15.05.2012</p>

ANUGERAH PUSAT TANGGUNGJAWAB TERBAIK TAHUN 2018
MENGIKUT PROGRAM

- 1) PROGRAM PENGURUSAN KEMENTERIAN
110201 – Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

- 2) PROGRAM BANTUAN BERSAMA
210201 – Bahagian Staf Perisikan Pertahanan

- 3) PROGRAM PERTAHANAN DARAT
320601 – 91 Depot Pusat Ordnans

- 4) PROGRAM PERTAHANAN MARITIM
440801 – Markas Pemerintahan Kapal Selam

- 5) PROGRAM PERTAHANAN UDARA
540801 – Pangkalan Udara Gong Kedak

- 6) TERBAIK KESELURUHAN
320601 – 91 Depot Pusat Ordnans



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA